

PELUANG KERJAYA DI SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang mula beroperasi sepenuhnya pada 1 Januari 2008, mempelawa semua warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan bagi mengisi kekosongan jawatan di Suruhanjaya seperti berikut:

Jawatan	: Pereka
Gred Jawatan	: B9
Kumpulan Perkhidmatan	: Pengurusan dan Profesional
Klasifikasi Perkhidmatan	: Bakat dan Seni
Jadual Gaji	: RM2,250.00 – RM11,110.00
Syarat Lantikan	: - Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: - warganegara Malaysia; - berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan - mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis. (Gaji permulaan ialah pada Gred B9: RM2,250.00); atau - Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dalam bidang Seni Kreatif, Seni Bina Dalaman, Seni Lukis atau Seni Reka yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred B9: RM2,470.00).

SYARAT KELAYAKAN PELANTIKAN KE SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Taraf Jawatan	: KONTRAK
Fungsi Bidang Tugas	: SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

- Mengurus dan mentadbir unit termasuk memimpin, mengawal selia anggota unit di bawahnya.
- Menyediakan keperluan kewangan bagi belanjawan tahunan unit bagi membiayai sepenuhnya strategi, program dan aktiviti di peringkat unit atau negeri.
- Mengurus perbelanjaan unit, perolehan dan menentukan pembayaran dibuat dengan tepat, cepat serta menepati peraturan dan pekeling.
- Menyediakan program khidmat kepakaran dalam bidang komunikasi visual mengikut keperluan kumpulan sasaran jabatan termasuk agensi kerajaan dan negeri.
- Merancang dan melaksanakan strategi kempen kerajaan melalui penggunaan komunikasi visual yang berkesan serta mengurus spesifikasi perolehan/perkhidmatan menepati arahan kerajaan, ketetapan peraturan dan kepatuhan teknik.
- Menyediakan laporan-laporan aktiviti bulanan dan tahunan unit serta pelbagai kertas kerja yang diperlukan oleh unit.
- Menjalankan kajian dan mengenal pasti kaedah dan teknologi terkini dalam bidang komunikasi visual/ seni reka bagi meningkatkan kualiti hasil kerja dan produksi.
- Membantu mengawal selia anggota unit bagi menentukan reka bentuk bahan komunikasi visual yang dicipta menepati program dan strategi jabatan.
- Mengawal selia projek supaya mencapai objektif bahagian serta bertanggungjawab mewakili ketua cawangan membuat keputusan sebagai pakar rujuk berkaitan kerja-kerja seni di peringkat bahagian/ jabatan.
- Membantu mengurus produksi multimedia/bahan publisiti yang berkesan dan inovatif bagi menyokong kempen, program dan aktiviti bahagian.
- Bertanggungjawab melaksanakan pameran bersepadu/ grafik/ multimedia mengikut konsep yang telah dirancang supaya menepati objektif.

- l. Bertanggungjawab membantu menyediakan konsep dan idea reka bentuk pameran, pelan, lukisan perspektif dan lukisan tiga dimensi bagi persembahan pameran yang berkesan, berkualiti dan cemerlang.
- m. Melaksanakan sistem, kaedah, dasar dan peraturan kerja mencapai objektif bahagian serta menyelia dan menilai Laporan Prestasi Tahunan anggota unit di bawahnya.
- n. Memberi dorongan/ bimbingan tunjuk ajar dan latihan kepada anggota bawahan bagi mempertingkatkan mutu hasil kerja yang inovatif, kreatif dan berkesan.
- o. Menggubal sukatan mata pelajaran dan soalan peperiksaan jabatan bagi jawatan Pereka dan Juruotografi.
- p. Memastikan langkah-langkah keselamatan dilaksanakan sepenuhnya mengikut peraturan dan pekeliling kerajaan bagi menjamin keselamatan maklumat penting dan rahsia kerajaan serta harta modal kerajaan.
- q. Menterjemahkan konsep dan idea rekaan serta mengepalai penciptaan kostum dan solekan produksi Istana Budaya.
- r. Memastikan pembuat set dan props mengikut peruntukan dan tatacara perolehan kerajaan.
- s. Bertanggungjawab dalam membimbing dan memberi taklimat/ khidmat nasihat dalam rekaan kostum dan solekan pementasan kepada kumpulan luar.

Tarikh Tutup
Permohonan

: **20 MAC 2026 (JUMAAT)**